

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA**  
**PANDUAN MENGISI BORANG**  
**JADUAL PENUKARAN KOD PROGRAM/AKTIVITI**  
**JAN/MD 018B**

**1. Pengenalan**

- a. Jadual Penukaran Kod Program/Aktiviti (JAN/MD 018B) perlu disediakan sekiranya sesuatu kod program/aktiviti telah dibatal atau telah ditukar bagi kegunaan perakaunan dalam tahun kewangan baru.
- b. Jadual penukaran hanya boleh dibuat antara satu **kod** program aktiviti **lama** dengan satu **kod** program/aktiviti **baru** sahaja.
- c. **Penting** – Borang ini perlu disediakan jika **kod** program/aktiviti 2012 dan 2013 adalah berlainan manakala maksud perihal adalah tidak berubah.

**2. Penyediaan**

Medan yang perlu diisi oleh Kementerian/Jabatan (Kem/Jab):

1. **Kementerian/Jabatan**  
Catatkan nama Kem/Jab seperti yang terdapat di dalam senarai kod Kem/Jab yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN).
2. **Kod Kementerian/Jabatan** (Tahun semasa dan tahun baru)  
Catatkan kod Kem/Jab berpandukan senarai di **Lampiran A**.
3. **Perihal Program/Aktiviti** (Tahun semasa)  
Catatkan perihal program/aktiviti bagi tahun semasa.
4. **Kod Vot Prog/Akt** (Tahun semasa)  
Catatkan kod vot dan diikuti kod program/aktiviti bagi tahun semasa. Contohnya, B10 010100.
5. **Kod Vot Prog/Akt** (Tahun baru)  
Catatkan kod vot dan diikuti kod program/aktiviti bagi tahun baru.
6. **Perihal Program/Aktiviti** (Tahun baru)  
Catatkan perihal program/aktiviti bagi tahun baru.
7. **Untuk Pengesahan**  
Sila tandatangan dan catatkan nama, nombor telefon dan alamat e-mel dengan jelas untuk memudahkan pengesahan dan perhubungan.